



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE 86 BIL 12/2023**

**PERMOHONAN RAYUAN PELAJAR PRASISWAZAH TINGGAL DI RESIDEN
PELAJAR BAGI SEMESTER 2 SESI 2022/2023 (FASA 2)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saudara/i,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.


1. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan rayuan bagi pelajar prasiswazah (Fasa 2) akan dibuka bermula pada **8 – 12 Mac 2023 bermula jam 5.00 petang**.
2. Pelajar **WAJIB** membuat permohonan secara atas talian melalui ***E-community>hostel application***.
3. Kepada pelajar-pelajar yang telah membuat permohonan secara surat atau melalui emel, permohonan tersebut **dianggap tidak sah** dan pelajar perlu membuat permohonan semula melalui ***E-community>hostel application***.
4. Pelajar mempunyai masalah kesihatan/kewangan atau mempunyai apa-apa dokumen sokongan, pelajar perlu menghantar dokumen sokongan serta permohonan rayuan ke Pejabat RP masing-masing atau pelajar boleh memuatnaik dokumen tersebut ke emel residen@ump.edu.my.
5. **Pelajar yang telah membuat permohonan rayuan dan ditawarkan asrama pada Semester 2 Sesi 2022/2023, adalah tertakluk kepada Polisi Tanpa Pemulangan (No Refund Policy)**. Penempatan pelajar adalah masih tertakluk kepada kekosongan asrama.
6. Penempatan pelajar di mana-mana asrama/bilik adalah tertakluk kepada Pengurusan Residen Pelajar.
7. Keputusan rayuan (Fasa 2) akan diumumkan pada **14 Mac 2023 (Selasa)**. Pendaftaran masuk (checkin) bermula pada **15 – 17 Mac 2023**.
8. Pelajar dialu-alukan hadir ke Pejabat Residen Pelajar atau emelkan sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas ke residen@ump.edu.my.

9. Untuk pertanyaan *No Refund Policy*, pelajar boleh emelkan kepada Jabatan Bendahari di collection1@ump.edu.my.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



MOHD RAIZALHILMY B. MOHD.RAIS

Pengarah
Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni